

22/11/2001

Seri Paduka disenangi, disayangi rakyat jelata

Zulkofli Jamaluddin; Minarni Mat Saad

YANG di-Pertuan Agong Ke-11, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj diputerakan pada 8 Mac 1926 di Istana Bandar, Kuala Langat, Selangor.

Almarhum yang mangkat pada usia 75 tahun menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Pengkalan Batu, Klang pada 1934. Dua tahun kemudian, Seri Paduka melanjutkan pelajaran ke Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) sehingga Perang Dunia Kedua meletus pada Disember 1941.

Setelah tamat peperangan pada 1947, Almarhum melanjutkan pelajaran di School of Oriental and African Studies, University of London, selama dua tahun.

Sekembalinya ke tanah air, Seri Paduka berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai pegawai pelatih Jabatan Ukur Selangor sebelum dilantik nazir sekolah selama lapan tahun.

Pada 1952, Almarhum mengikuti kursus jangka pendek dalam Ketumbukan Askar Melayu di Port Dickson selama enam bulan dan ditauliahkan "Queen Commission" dengan menyandang pangkat kapten.

Seri Paduka dilantik Tengku Laksamana Selangor pada 1 Ogos 1946 dan sebagai Raja Muda Selangor pada 13 Mei 1950.

Apabila ayahanda baginda, Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, mangkat pada 1 September 1960, Seri Paduka dilantik Sultan Selangor pada 3 September 1960 dan ditabalkan pada 28 Jun 1961.

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dilantik Yang di-Pertuan Agong pada 26 April 1999 menggantikan Yang di-Pertuan Agong Ke-10, Tuanku Jaafar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman.

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa jawatan itu berasaskan suatu sistem pergiliran antara sembilan orang raja untuk memegang jawatan itu selama lima tahun.

Sejak ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong dan sebelumnya atas kedudukan sebagai Sultan Selangor, Almarhum tidak pernah menjadikan tembok istana sebagai penghalang kepada usaha mengikuti setiap perkembangan rakyat di mana juga mereka berada.

Almarhum meninggalkan 10 putera dan puteri daripada tiga isteri. Dengan isteri pertama yang juga sepupu baginda, Raja Nor Saidatul Ihsan Tengku Badar Shah, Seri Paduka dikurniakan tiga putera dan empat puteri, iaitu Raja Muda Selangor, Tengku Idris Shah; Tengku Puteri Sofia; Tengku Sulaiman Shah (Tengku Panglima Diraja Selangor); Tengku Puteri Seri Hajah Zanariah; Tengku Abdul Samad Shah (Tengku Panglima Besar Selangor); Tengku Puteri Arafiah dan Tengku Puteri Aishah.

Bersama isteri kedua, Cik Mahiran, Almarhum dikurniakan seorang putera, Tengku Ahmad Shah, manakala dengan isteri ketiga, Tengku Ampuan Rahimah, Almarhum Sultan Abdul Aziz dikurniakan dua puteri, iaitu Tengku Puteri Nor Marina dan Tengku Puteri Nor Zihan.

Pada 3 Mei 1990, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mengahwini Siti Aishah Abdul Rahman yang kemudian bergelar Cik Puan Besar Selangor sebelum dilantik menjadi Tengku Permaisuri Selangor dan kemudian Raja Permaisuri Agong. Mereka tidak dikurniakan cahaya mata.

Pemergian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ke Rahmatullah adalah kehilangan besar kepada rakyat dan negara. Almarhum terlalu istimewa bukan saja kepada rakyat Selangor tetapi penduduk negara ini secara keseluruhan.

Sebagai payung diraja, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah amat disukai rakyat bukan saja kerana sikap ramahnya tetapi kemesraan baginda yang

pasti meninggalkan kenangan manis kepada setiap yang pernah mendekatinya.

Almarhum adalah raja berjiwa rakyat dan tidak pernah kekok untuk bergaul dengan sesiapa saja, baik golongan pembesar mahupun rakyat biasa, termasuk kanak-kanak.

Ini terbukti dengan sikap Almarhum yang sentiasa berwajah ceria dan tidak lokek memberikan senyuman dan menegur rakyat jelata setiap kali menghadiri acara yang membabitkan orang ramai.

Almarhum amat gemar menghadiri acara yang membabitkan rakyat baik yang berbentuk keagamaan ataupun lawatan peribadi. Peluang itu juga digunakan untuk bertanya khabar, beramah mesra dan mencungkil masalah rakyat.

Setiap kali menghadiri acara yang membabitkan kanak-kanak atau pelajar, Almarhum tidak akan terus menuju ke kereta rasmi sebaik saja selesai majlis tetapi menghampiri mereka untuk bermesra dan bersalaman.

Sikap Almarhum itu sekurang-kurangnya menghilangkan penat-lelah pelajar dan kanak-kanak yang diarah berbaris berjam-jam untuk menyambut Almarhum, sekali gus meninggalkan kenangan paling manis dalam hidup mereka.

Adakala sikap mesra media Seri Paduka memeranjatkan pemberita yang membuat liputan acara rasminya kerana Almarhum melayan segala pertanyaan daripada mereka mengenai isu semasa atau peribadi, terutama yang membabitkan negeri Selangor.

Keramahan dan sikap terbuka Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang memecah tradisi yang mengongkong institusi raja di negara ini menjadikan diri Seri Paduka ketua negara yang amat disenangi dan disayangi rakyat.

Almarhum juga sentiasa mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan peribadi dan negeri. Contoh paling ketara ialah kesediaan Seri Paduka menyerahkan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan dan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan.

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah juga amat mengambil berat perkembangan Islam di negara ini dan sering membabitkan diri secara langsung dalam kegiatan keagamaan selain sentiasa menasihati rakyat supaya mengikut ajaran Islam sebenar dan tidak berpecah-belah.

Satu perkara yang sering diberi ingatan oleh Seri Paduka ialah tidak menjadikan masjid sebagai medan menyebarkan dakyah yang memburukkan pihak lain atau menjadi tempat berpolitik.

Seri Paduka amat gemar menceburi pelbagai bidang sukan dan yang paling digemari baginda ialah golf. Almarhum juga gemar belayar, mengumpul kereta antik, memelihara binatang dan menanam orkid serta membuat lawatan ke luar negara untuk menambah pengetahuan dan pengalaman.

Almarhum seriang menasihatkan masyarakat Islam supaya mengutamakan persaudaraan sesama mereka dalam semua bidang, sama ada sosial, ekonomi dan politik kerana itu akan menjadi benteng yang amat kuat dalam menghalang sebarang unsur negatif yang boleh menggoyang dan meruntuhkan institusi agama Islam itu sendiri.

Seri Paduka juga mengingatkan umat Islam supaya tidak leka dengan perkembangan teknologi yang memberikan kemudahan dalam kehidupan harian masing-masing di samping sentiasa bersyukur dengan semua kenikmatan yang diterima dan tidak lupa menunaikan tanggungjawab yang dituntut oleh agama Islam ketika mengejar kemewahan hidup duniawi.

Almarhum juga amat dikenali sebagai pemerintah berjiwa seni. Seni lukis, seni ukiran dan seni fotografi memang menjadi kegemaran Seri Paduka. Darah seni Almarhum menghasilkan pelbagai jenis ukiran dan seni bina di istana baginda, kebanyakannya daripada ilham Seri Paduka sendiri.

Malah, ruangan beberapa istananya dihiasi dengan pelbagai seni lukis asli. Seri Paduka cergas dalam pelbagai aktiviti dan merasmikan kegiatan serta pertunjukan seni tanah air.

Minat pengembaraan membawa Seri Paduka ke hampir seluruh dunia. Lawatan itu menjadikan Almarhum sebagai pemerintah serba boleh dan berani

menghadapi cabaran. Pengalaman dan pengetahuan itu dicurahkan Seri Paduka untuk kemajuan dan pembangunan negara.

Ingatan Almarhum kepada rakyat di Selangor tidak pernah lekang kerana walaupun sudah berangkat ke Istana Negara, Almarhum sering kembali menjenguk rakyat di kampung.

Setiap kali menziarahi kampung, Almarhum akan mengambil peluang bersembahyang berjemaah dan bersedekah kepada masjid.

Pada sambutan Aidiladha 6 Mac lalu, Almarhum tidak melepaskan peluang turun ke Pulau Indah, antara tempat kegemaran Baginda untuk menunaikan solat Aidiladha di Masjid Sultan Abdul Aziz Shah dan sudi mengorbankan empat lembu untuk diagihkan kepada rakyat.

Ketika menjadi Sultan Selangor, Almarhum pernah meninggalkan negeri selama kira-kira tiga bulan pada 1998 untuk mendapatkan rawatan jantung di sebuah hospital pakar di Amerika Syarikat.

Sepanjang menjadi Yang di-Pertuan Agong, Almarhum beberapa kali menghadapi masalah kesihatan tetapi tidak serius sehinggalah baru-baru ini apabila terpaksa mendapat rawatan di Hospital Mount Elizabeth, Singapura, seterusnya menjalani pembedahan pada 6 Oktober lalu untuk memasang alat 'pacemaker'.

Pada 15 Oktober lalu, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah membenarkan dirinya ditemu bual wartawan dan sudi bergambar untuk memaklumkan kepada rakyat bahawa baginda dalam keadaan sihat dan semakin pulih.

Seri Paduka juga meminta rakyat tidak bimbang dengan kesihatannya dan mengucapkan terima kasih kepada rakyat jelata di atas doa semoga baginda pulih.

Ahad lalu, Seri Paduka pulang ke tanah air untuk menjalani rawatan lanjut di Pusat Perubatan Gleneagles Intan, Ampang selepas menjalani rawatan selama hampir dua bulan di Singapura.

Seri Paduka yang tiba dengan pesawat khas kira-kira jam 6.15 pagi di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang disambut Pemangku Raja Selangor dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, rakyat dikejutkan dengan berita kemangkatan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada jam 11.57 pagi semalam setelah gering selama dua bulan kerana komplikasi penyakit jantung.

Yang tinggal hanyalah kenangan abadi dan kemesraan Seri Paduka yang tidak pernah luput dari hati rakyat. Sesungguhnya Almarhum adalah seorang raja yang benar-benar berjiwa rakyat.

(END)